



UiTM@Media **2016**

Jaringan Industri

UITM@Media
2016

Pelajar Fakulti Sains Sukan UiTM jalani latihan industri di Korea dan Thailand

FAKULTI Sains Sukan dan Rekreasi (FSR), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam telah menghantar empat pelajar tahun akhirnya bagi menjalani latihan industri ke Korea Selatan dan Thailand baru-baru ini.

Dekan FSR, Prof. Madya Dr. **Mohd Hanafiah Abidin** berkata, latihan yang diadakan selama tiga bulan itu bermula pada 29 Februari sehingga awal Jun 2016.

Katanya, dua pelajar terlibat ke Universiti Chulalongkorn, Bangkok manakala tiga lagi menjalani latihan di Suwon Universiti, Seoul, Korea.

Risyadinie Rasyikah Razmi, Sofia Jamad dan Fatin Nasuha Abdul Rahman menjalani latihan dalam bidang Sains Sukan manakala Sharifah Amirah Syed Mohd Lutfi dan Aimi Nor Ajla Muhammad Nasir pulan dalam bidang Pengurusan Sukan.

Pelajar yang terlibat merupakan pelajar tahun akhir FSR. FSR menghantar pelajar-pelajar ini ke sana bagi memberi pendedahan dan pengalaman yang lebih luas kepada pelajar.

Menurut Timbalan Dekan Jaringan Industri, Penyelidikan dan Alumni, Datin Dr. **Sarimah Ismail**, penghantaran pelajar-pelajar ini ke sana adalah hasil daripada memorandum persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani UiTM dengan kedua-dua universiti tersebut.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Semasa menjalani latihan industri di sana, pelajar-pelajar tersebut akan membuat projek penyelidikan yang akan diselia oleh pihak universiti di Korea, Thailand dan UiTM.

“Kami berharap penghantaràn pelajar-pelajar Ini akan membolehkan kerjasama yang lebih erat di masa hadapan antara ke dua-dua negara tersebut,”katanya.

Sementara itu, Risyadinie berkata, beliau dan rakan-rakannya akan menggunakan peluang ini bagi menimba pengalaman dan ilmu dari negara-negara tersebut.

Bagi Sofia pula, Korea Selatan sekarang dalam persediaan atlet mereka ke sukan Olimpik dan berharap dapat mempelajari bagaimana Korea menguruskan aspek sukan dan sains sukan sehingga menjadi antara negara Asia yang terbaik di bidang sukan.

RISYADINE RASYIKAH (kiri) dan Fatin Nasuha memulakan latihan industri di Universiti Chulalongkorn, Bangkok, Thailand



PELAJAR-PELAJAR FSR, Sofia Jamad (kiri), Sha dan Aimi Nor Ajla berlepas ke Seoul, Korea Selatan

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

